

1975 OLEH ABDUL KARIM SHUKOR

KUALA LUMPUR, 10 OKTOBER (BERNAMA) -- WAKIL-WAKIL KEMENTERIAN PELAJARAN DALAM LEMBAGA PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN BERKUASA MENENTUKAN SUPAYA KURSUS-KURSUS DAN PENGAMBILAN PENUNTUT DI TAR SESUAI DENGAN TUJUAN DASAR EKONOMI BARU DAN MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA MAHIR DI NEGARA INI.

BAGAIMANA PUN, MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA BELIAU SENDIRI TIDAK DAPAT MENENTUKAN SAMA ADA TAR MEMENOH SI SYARAT-SYARAT TERSEBUT KERANA BELIAU TIDAK BERKUASA PENUH DALAM PENTADBIRAN KOLEJ ITU.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH GERAKAN PEMUDA UMNO MUNGKIN BERASASKAN KEPADA PERSOALAN BERKESAN TIDAKNYA WAKIL-WAKIL KEMENTERIAN DALAM LEMBAGA PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TAR.

MASALAH ITU BAGAIMANA PUN BOLEH DIKAJI OLEH KEMENTERIANNYA KERANA TAR MENERIMA BANTUAN DARI KERAJAAN, KATANYA DALAM PERTEMUAN DENGAN BERNAMA HARI INI.

DR. MAHATHIR BERKATA TAR SANGGUP MENERIMA SEBERAPA RAMAI PENUNTUT DARI SEMUA GOLONGAN TETAPI KERANA SEBAB-SEBAB YANG BELUM DAPAT DITENTUKAN, BILANGAN PENUNTUT TIDAK MENCERMINKAN KEDUDUKAN PENDUDUK DI NEGARA INI YANG SEBENARNYA. -- BERSAMBUNG 1516/75

537:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EX)

DR. MAHATHIR BERKATA GERAKAN PEMUDA UMNO MUNGKIN TIDAK SABAR TENTANG KEMAMPUAN BELIAU MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA TETAPI MASALAH YANG DIHADAPI BUKANLAH MUDAH HENDAK DIATASI.

INI JUGA SEBENARNYA BERGANTUNG KEPADA KESANGGUPAN PARA PELAJAR BUMIPUTRA YANG TELAH DIBERI PELUANG BERUSAHA MENCAPAI KEJAYAAN SUPAYA KEADAAN TIDAK SEIMBANG SEKARANG DAPAT DIKURANGKAN, KATANYA.

MENGAJI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DI TAR, DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PIHAKNYA BERCADANG HENDAK MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA TETAPI MASANYA BELUM TIBA LAGI.

MENYENTUH KEDUDUKAN INSTITUSI SWASTA, BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGAMBIL ALIH SEMUA SEKOLAH DAN INSTITUSI SEPERTI ITU KERANA IA MELIBATKAN WANG YANG BANYAK.

BAGAIMANA PUN, KEMENTERIANNYA INGIN MENGAWASI PERJALANAN SEKOLAH DAN INSTITUSI TERSEBUT SUPAYA PERKARA PENIPUAN MENGENAI KURSUS-KURSUS YANG AKAN DIADAKAN, TIDAK BERLAKU.

BELIAU BERKATA TERDAPAT PENIPUAN KERANA KEMENTERIAN TIDAK BERKUASA PENUH KEATAS PERJALANAN SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA.

TEGASNYA, JIKA KERAJAAN YANG MEMBIAYAI MANA-MANA INSTITUSI MAKA KERAJAAN PATUT BERHAK MENGAWASI PERJALANAN DAN PERKEMBANGANNYA. --BERSAMBUNG 1527/MD

538:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGULAS LAPURAN DARI WELLINGTON, NEW ZEALAND KONONNYA SEBILANGAN PENUNTUT DI SANA DAN AUSTRALIA AKAN MENUJUK PERASAAN KETIKA PERDANA MENTERI, TUN ABDUL RAZAK MELAWAT KEDUA BUAH NEGARA ITU, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK PERCAYA PENUNTUT MALAYSIA AKAN TERLIBAT.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK PERNAH MENASIHATKAN CARA MANA SESEBUAH NEGARA LAIN HARUS MENGENDALIKAN MASALAH URUSAN DALAM NEGERI MEREKA DAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PENUNTUT-PENUNTUT ITU PERLU MENGAMBIL TAHU TENTANG URUSAN NEGARA INI. --BERNAMA 1529/MD